

SENI RODAT DALAM MASYARAKAT NEGERI TERENGGANU  
SKOP KAJIAN: SEJARAH DAN PERKEMBANGAN,  
PERALATAN DAN KELENGKAPAN SERTA  
PERSEMBAHANNYA

oleh

MOHD. NASIR B. HASHIM  
SESSI 1988/89

KAJIAN SENILUKIS DAN SENIREKA  
INSTITUT TEKNOLOGI MARA  
SHAH ALAM, SELANGOR

## KANDUNGAN

## MUKA SURAT

<b>PENGHARGAAN</b>	<b>i</b>
<b>SINOPSIS</b>	<b>ii</b>
<b>BAB</b>	
<b>1. TAJUK TESIS DAN PENGENALAN</b>	<b>1</b>
1.1 Permasalahan	4
1.2 Tujuan Penyelidikan	6
1.3 Kaedah Penyelidikan	7
1.4 Tempat Kajian	9
<b>2. SEJARAH DAN PERKEMBANGAN</b>	<b>13</b>
2.1 Perkembangan Rodat di Terengganu Hingga Masa Kini	22
<b>3. UPACARA PEMBUKAAN BANGSAL LATIHAN</b>	<b>31</b>
<b>4. PERALATAN MUZIK DAN KELENGKAPAN</b>	<b>36</b>
4.1 Peralatan Muzik : Rebana Kerencing pembuatannya dan cara bermain	38
4.2 Kelengkapan Persembahan : Bangsal Pakaian	49
<b>5. PERSEMBAHAN</b>	<b>55</b>
5.1 Lagu-lagu dan senikata dalam persembahan dulu dan sekarang	69

5.2	Kedudukan pemain waktu persembahan	82
5.3	Sambutan dan reaksi para penonton	85
6.	<b>PENUTUP</b>	87
6.1	Ringkasan	87
6.2	Kesimpulan	90
6.3	Saranan Untuk Kajian Selanjutnya	91

## **BIBLIOGRAPHY**

## **SENARAI SISIPAN**

## PENGHARGAAN

Dengan nama Allah yang amat pemurah lagi amat mengasihani ;  
Tuhan seru sekian Alam.

Bersyukur saya ke hadrat Allah S.W.T. kerana memberikan taufik dan hidayahnya dalam menyudahkan latihan ilmiah ini.

Jutaan terima kasih diucapkan kepada penasihat saya Encik Hanafie bin Imam (Ketua Kursus AD19) dan Encik Nik Mustaffa (Pegawai Kebudayaan KBN) kerana bimbingan, tunjuk ajar serta nasihatnya yang amat berharga.

Dalam menyudahkan latihan ilmiah ini banyak pihak dan juga individu-individu yang telah memberikan sumbangan yang amat berharga. Mereka adalah Encik Razak bin Abd. Aziz (pensyarah), Che Ramona bt. Tahir (pensyarah), kedua ibubapa saya juga Budiman bin Hashim (juru gambar) serta Tok Guru-Tok Guru yang sudi bercerita. Ucapan terima kasih yang tidak terhingga ditujukan kepada mereka. Kepada kumpulan Rodat Belia Surau Panjang jutaan terima kasih saya ucapkan di atas kerjasama yang telah diberikan.

Akhir sekali saya bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan segala kesukaran dapat juga saya menyiapkan tesis ini.

Sekian Wassallam.

Mohd. Nasir bin Hashim  
Diploma In Music  
ITM Shah Alam  
(4 Ogos 1988)

## SINOPSIS

Kajian ini dibuat adalah bertujuan bagi memperkenalkan kesenian Rodat dengan lebih dekat lagi. Semoga tertulisnya kajian ini maka pembaca akan dapat menyelami dan memahami satu lagi kesenian Rakyat di negeri Terengganu iaitu "Seni Rodat".

### Bab 1

Dalam bab pertama ini penulis memulakan dengan pengenalan iaitu memperkenalkan dan mengolah serba sedikit mengenai kesenian ini serta masalah-masalah yang timbul semasa membuat kajian. Selain dari itu penulis juga akan menyentuh serba sedikit mengenai tujuan, kaedah penyelidikan dan juga tempat kajian. Huraian selanjutnya terkandung di dalam bab berkenaan.

### Bab 2

Bab ini mengandungi pengkajian mengenai sejarah kedatangan Rodat dan perkembangannya hingga masa kini. Beberapa contoh melalui temubual dan butir-butir dari buku-buku rujukan akan dibentangkan.